

Headline	Pangkalan data industri herba beri nafas baharu		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	23 Oct 2022	Color	Full Color
Section	Perspektif	Circulation	56,027
Page No	33	Readership	168,081
Language	Malay	ArticleSize	348 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,523
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,569



Pangkalan data industri herba beri nafas baharu

Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) menerima sebanyak 1,682 permohonan untuk pelbagai pengujian terhadap 4,030 sampel (bahan mentah atau produk) bagi tujuan meningkatkan kualiti, keselamatan dan keberkesanan produk siap, sepanjang 2019 sehingga 2021 lalu.

Ketua Pengarahnya, Dr Ismail Parlan, berkata institut itu dilengkapi kemudahan penyelidikan terkini dan kepakaran dengan industri herba untuk meningkatkan kualiti bahan mentah, produk herba serta daya saing perniagaan bagi memastikan mereka berupaya menembusi pasaran antarabangsa.

Berdasarkan tinjauan FRIM pada 2015 terhadap pembekal anak pokok,

penanam, pengusaha produk, pemborong dan peruncit, anggaran nilai keseluruhan industri herba adalah sebanyak RM2.6 bilion.

Sejak 2011, FRIM sudah memulakan inisiatif untuk mengumpul maklumat berkaitan penawaran bahan mentah herba bagi memenuhi kebendak pihak industri.



Ismail Parlan

Katanya, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melancarkan Sistem Rantaian Nilai Industri Herba (SRI Herba) yang mengandungi maklumat 6,545 pemain industri herba daripada pembekal anak

pokok, penanam, pengusaha produk, pemborong dan peruncit, pada 2015.

Dua tahun kemudian, sistem pangkalan data itu diberi nafas baharu dengan ciri-ciri tambahan seperti

▶
Pokok curur atap atau nama saintifiknya Beackea frustecens digunakan dalam rumusan produk kesihatan.



maklumat penawaran bahan mentah mengikut spesies dan pembekal serta kuantiti permintaan dan kekerapannya oleh pengusaha produk.

"Kini, sistem ini dikenali sebagai HerbaXpress dan mengandungi maklumat 7,010 keseluruhan pemain industri herba," katanya.

Kewujudan pangkalan data industri herba di peringkat huluan dan hiliran itu turut membantu pelbagai pihak berkepentingan dari pelbagai aspek seperti maklumat pasaran, maklumat penawaran bahan mentah.

Katanya, aplikasi mudah alih

HerbaXpress dibangunkan pada 2015 bagi memudahkan carian dan capaian kerana dihubungkan dengan aplikasi WhatsApp dan Google Map.

"Namun, proses penambahbaikan sistem dan aplikasi mudah alih dijalankan secara berterusan kerana ia dibangunkan oleh kepakaran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam FRIM," katanya.

Menyedari kepentingan sistem pangkalan data kepada pembangunan industri herba, MAFI turut menyalurkan peruntukan bagi melebar luas penggunaan sistem itu ke Sabah dan Sarawak.